



SEKOLAH HOSPITALITI DAN PELANCONGAN
KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR

PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER JUN 2015

KURSUS	:	ENTREPRENEURSHIP
KOD KURSUS	:	ETR 8023
MASA	:	9.00 PG – 12.00 TGH (3 JAM)
DATE	:	3 OGOS 2015

1 ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi TIGA (3) BAHAGIAN A (20 Markah)
bahagian: BAHAGIAN B (40 Markah)
BAHAGIAN C (40 Markah)
2. Sila baca dan fahamkan soalan dengan teliti.
3. Jawab **SEMUA** soalan dari BAHAGIAN A, jawab **EMPAT (4)** soalan dari BAHAGIAN B.
Dan **DUA (2)** soalan dari BAHAGIAN C.
4. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan
kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 10 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A (Jumlah: 20 Markah)**SOALA ANEKA PILIHAN****ARAHAN : Jawab SEMUA SOALAN****Sila guna borang OMR yang disediakan**

1. Berikut ialah sifat peniagaan perkhidmatan
 - A. stok boleh disimpan
 - B. menitikberatkan layanan kepada pelanggan
 - C. kualiti mudah diukur
 - D. mempunyai rupa bentuk fizikal

2. _____ ialah aktiviti merekabentuk struktur organisasi, membahagikan dan mengagihkan tugas dan kerja kepada bahagian, seksyen atau unit beserta mengawal infrastruktur dan kaedah operasi .
 - A. Perancangan
 - B. Pengorganisasian
 - C. Pengarahan
 - D. Pengawalan

3. Pernyataan mengenai tujuan atau alasan kewujudan perniagaan dinyatakan dalam
 - A. objektif
 - B. visi
 - C. misi
 - D. pengorganisasian

4. Antara kelebihan memiliki perniagaan adalah berpeluang untuk :-
 - A. menjadi popular
 - B. melakukan sesuatu yang anda suka dan gembira
 - C. menjatuhkan orang lain melalui persaingan yang sihat
 - D. mempelajari selok-belok perniagaan

5. Berikut adalah keburukan memiliki perniagaan **KECUALI**
 - A. Pendapatan yang tidak seimbang
 - B. Masa kerja yang sentiasa panjang dan memenatkan
 - C. Mampu memberi keuntungan yang maksimum
 - D. Mampu memberi kerugian yang maksimum

6. Antara faktor yang mampu meningkatkan semangat usahawan ialah
- A. Faktor demografi dan ekonomi
 - B. Faktor perubahan cuaca
 - C. Faktor perubahan musim
 - D. Faktor perubahan waktu dan masa
7. _____ ialah sekumpulan pelanggan dikenalpasti sebagai mempunyai keperluan dan kehendak tertentu dapat dipenuhi oleh perniagaan berkenaan melalui barangan atau perkhidmatan yang ditawarkannya.
- A. Pemasaran
 - B. Sasaran pasaran
 - C. Segmen pasaran
 - D. Saiz pasaran
8. Ada 4 langkah dalam mengenalpasti , mengkaji dan memilih peluang perniagaan. Langkah terakhir adalah
- A. memilih peluang perniagaan dan merangka rancangan perniagaan
 - B. menganalisis persekitaran, penilaian diri dan nilai masyarakat
 - C. mengenalpasti keperluan dan kehendak pelanggan
 - D. menilai peluang-peluang perniagaan
9. Strategi pemasaran boleh terbahagi kepada berikut **KECUALI**
- A. Barangan
 - B. Harga
 - C. Kualiti
 - D. Tempat
10. Simbol di dalam carta aliran operasi mewakili
- A. Proses
 - B. Pemeriksaan
 - C. Penangguhan
 - D. Simpanan

11. Kewujudan peluang perniagaan menawarkan barangan dalam pasaran tertentu memberi peluang kepada peniaga untuk menambahkan pendapatan sekali gus menjanjikan pulangan yang memuaskan. Berikut adalah antara barangan yang boleh diniagakan
- A. Barangan yang telah wujud dalam pasaran tetapi belum memenuhi permintaan dan cita rasa
 - B. Barangan yang telah wujud dan menepati cita rasa
 - C. Barangan yang menjanjikan pulangan yang lumayan dan mampu memberi kesempurnaan dalam kualiti barangan
 - D. Barangan yang wujud tetapi terlalu mahal sehingga tidak mampu dimiliki golongan sederhana
12. Berikut adalah **EMPAT (4)** langkah dalam mengenal pasti, mengkaji dan memilih peluang perniagaan **KECUALI** :-
- A. Mengenalpasti keperluan dan kehendak pelanggan
 - B. Menganalisis persekitaran, penilaian diri dan nilai masyarakat
 - C. Menganalisis data-data yang tiada kaitan dengan perniagaan
 - D. Memilih peluang perniagaan yang wujud
13. Keperluan adalah sesuatu yang asas yang mesti diperoleh. Antaranya adalah :-
- A. Makanan
 - B. Banglo
 - C. Kereta Mewah
 - D. Memiliki barang kemas
14. Contoh risiko yang tidak boleh dikawal oleh usahawan ialah
- A. kualiti barangan
 - B. jangkaan pasaran
 - C. kadar pemberhentian pekerja
 - D. kemelesetan ekonomi
15. Berikut adalah bentuk-bentuk perniagaan yang boleh didaftarkan **KECUALI** :-
- A. Milikan tunggal
 - B. Milikan kekal
 - C. Perkongsian
 - D. Syarikat berhad

16. Pengurus pemasaran sebuah restoran telah membuat segmen pasarannya kepada dua iaitu segmen untuk orang dewasa dan kanak-kanak. Segmen pasaran ini boleh dikategorikan sebagai segmen _____
- A. geografi
 - B. demografi
 - C. psikografik
 - D. aktiviti
17. Perniagaan bentuk perkongsian dijalankan oleh lebih dari seorang tetapi tidak boleh melebihi
- A. 5 orang
 - B. 10 orang
 - C. 15 orang
 - D. 20 orang
18. Pendaftaran perniagaan dinyatakan dalam Suruhanjaya Syarikat Malaysia sepertimana dalam borang
- A. A
 - B. B
 - C. C
 - D. D
19. Keburukan memiliki perniagaan akan menyebabkan perkara-perkara berikut terjadi
- A. Pendapatan sentiasa tetap
 - B. Pendapatan yang sentiasa berganda-ganda
 - C. Tekanan kehidupan yang tinggi
 - D. Tekanan darah tinggi
20. Kelebihan memiliki perniagaan adalah berpeluang untuk
- A. membina jati diri
 - B. mencari kehidupan yang hakiki
 - C. membuat perubahan
 - D. membuat produk sendiri

BAHAGIAN B (Jumlah Markah : 40 Markah)**ESEI PENDEK****JAWAB EMPAT (4) SOALAN SAHAJA**

Sila guna buku jawapan yang disediakan

1. Terangkan **LIMA (5)** kesilapan yang sering dilakukan oleh usahawan yang mengakibatkan perniagaan sering menemui kegagalan dan cadangkan kaedah bagi mengurangkan kesilapan tersebut.
(10 markah)
2. Apakah yang dimaksudkan struktur organisasi ikut fungsi dengan menyertakan lukis gambarajah yang berkenaan .
(10 markah)
3. Terangkan dengan jelas **LIMA (5)** strategi barangan yang terdapat di dalam perancangan pemasaran
(10 markah)
4. Buat satu karangan ringkasan eksekutif (executive summary) untuk rancangan perniagaan perniagaan restoran yang bakal dibuka oleh anda
(10 markah)
5. Terangkan dengan jelas **LIMA (5)** sistem kemudahan sokongan perniagaan yang terdapat di Malaysia
(10 markah)

BAHAGIAN C (Jumlah Markah : 40 Markah)

ESEI PANJANG

JAWAB DUA (2) SOALAN SAHAJA

Sila guna buku jawapan yang disediakan

Soalan 1

Sediakan carta aliran bagi proses menyediakan perkhidmatan catering untuk aktiviti berikut:

- i. Mengambil tempahan pelanggan
- ii. Menetapkan menu, jumlah tempahan, tarikh, masa dan harga
- iii. Membeli bahan mentah mengikut menu
- iv. Memasak bahan mentah
- v. Merasa dan memeriksa kualiti masakan
- vi. Memasukkan makanan ke dalam kenderaan untuk dihantar ke tempat yang ditetapkan
- vii. Menghantar hidangan mengikut pilihan, hidangan atau buffet
- viii. Simpan barang di dalam stor
- ix. Menunggu sehari untuk proses tuntutan bayaran
- x. Menuntut bayaran daripada pelanggan

(20 MARKAH)

SOALAN 2

Berikut adalah maklumat kewangan untuk Perniagaan Akok Ko bagi tahun berakhir 31 Disember 2014 :

(*Following are the financial information for Perniagaan Akok Ko fro the year ended 31 December 2014*)

	RM
Belian (<i>Purchases</i>)	39,000
Pulangan Belian (<i>Purchase Return</i>)	500
Gaji (<i>wages</i>)	1,450
Jualan (<i>sales</i>)	60,000
Pulangan Jualan (<i>sales return</i>)	1,300
Stok Akhir (<i>closing stock</i>)	25,000
Alat tulis (<i>stationery</i>)	450
Belanja Sewa (<i>rental expenses</i>)	1,100
Belanja am (<i>general expenses</i>)	1,450
Faedah atas pinjaman (<i>interest on loan</i>)	700
Insurans (<i>insurance expenses</i>)	700
Belanja am (<i>general expenses</i>)	200
Belanja komisen (<i>commission expenses</i>)	800

DIPERLUKAN*(REQUIRED)*

Sediakan Proforma Penyata Untung Rugi bagi Perniagaan Akok Ko bagi tahun berakhir 31
Disember 2014

*(Prepare Estimated Profit and Loss for Perniagaan Akok Ko for the year ended 31
December 2014)*

(20 MARKAH)

SOALAN 3

Syarikat Itik Serati menjalankan penternakan ayam yang terletak di kawasan pertanian berhampiran dengan bandar Kulai, Johor. Sasaran pasaran perniagaan adalah penduduk kawasan bandar dan kawasan berhampiran. Perniagaan menganggarkan saiz pasaran memproses ayam mencapai 100,000 ayam sebulan atau anggaran RM600,000 (berdasarkan harga borong ayam RM2.00 per kg untuk ayam diproses dengan anggaran berat ayam 3 kg seekor ayam).

Syarikat Itik Serati telah mengenalpasti 4 pesaing utama iaitu Syarikat A, B, C dan D dengan pasaran jualan bagi syarikat masing-masing ialah RM2,800,000, RM2,000,000, RM1,000,000 dan RM200,000.

Selepas menganalisa kekuatan dan kelemahan pesaing masing-masing, Syarikat Itik Serati yakin boleh menguasai 10% dari keseluruhan pasaran. Selepas kemasukan Syarikat Itik Serati, peratus pasaran untuk Syarikat A, B, C dan D masing –masing akan berkurang 3%, 4%, 2%, 1%.

Syarikat Itik Serati meramalkan jualan untuk bulan Januari 2015 ialah RM550,000 dan kenaikan ramalan 3% untuk bulan berikutnya .

TENTUKAN

- a) Peratus pasaran sebelum kemasukan Syarikat Itik Serati
- b) Peratus pasaran selepas kemasukan Syarikat Itik Serati
- c) Sediakan ramalan jualan untuk bulan Januari 2015 hingga bulan April 2015

(20 MARKAH)

KERTAS SOALAN TAMAT

